

Headline	Tak malu jadi anak FELDA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	Fatin Farhana Ariffin	AdValue	RM 23,203
Frequency	Daily	PR Value	RM 69,609



Tak malu jadi anak FELDA

» *Que Haidar keliling tanah rancangan seluruh negara cari pelakon berbakat*

Oleh Fatin Farhana Ariffin

Que Haidar mengaku, bukan sedikit anak muda FELDA yang berbakat dalam bidang seni, namun mereka berasa malu dan kurang keyakinan diri untuk melangkah ke hadapan menonjolkan keupayaan.

Justeru, apabila dia diundang menjadi sebahagian daripada panel uji bakat mencari pelakon dalam kalangan anak FELDA, lelaki yang dilahirkan dengan nama Tengku Iskhan Shah Tengku Haidar ini dengan senang hati menerima ajakan berkenaan.

Apatah lagi dia sendiri sebahagian daripada generasi yang lahir daripada tanah rancangan, iaitu dari FELDA Taib Andak, Kulai, Johor.

Begitupun, mungkin berbeza daripada sebahagian anak muda yang membesar di sana, Que mengaku dirinya diasuh untuk tidak mahu merasa segan bergelar anak FELDA.

Pernah melalui kepahitan ketika mahu mencipta nama sebagai pelakon, Que, 34, yang seakan mengerti cara pemikiran anak muda di tanah rancangan tidak mahu mereka berasa rendah diri dan bimbang jika menjadi bahan cemoahan.

“Ikatan Seni dan Kebudayaan Anak FELDA (ISKAF) mahu mencari anak FELDA yang berbakat sebagai pelakon untuk filem mereka dan saya antara orang yang menguruskan uji bakat berkenaan. Diketuai Rosdeen Suboh,

projek ini turut membabitkan pelakon, Jalil Hamid. Sudah banyak tempat yang kami pergi. Antaranya Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor.

Peluang berlakon filem

“Baiknya usaha ini kerana ramai anak FELDA yang bagus dan berbakat, tetapi mereka malu untuk tampil ke depan kerana mentaliti mereka agak berbeza. Saya masih ingat, ada kalangan rakan saya yang berbakat, tetapi selepas kawan mereka cakap perkara yang kurang sedap didengar, mereka terus hilang semangat, menyebabkan minat menceburi bidang seni terkandas.

“Saya sudah lalui semua itu dulu.

Apa yang boleh saya nasihatkan, kita tidak boleh rasa malu. Ketika saya mencuba jadi pelakon dulu, keadaannya lebih sukar. Semuanya saya lakukan dengan usaha sendiri termasuk mengembara ke Kuala Lumpur.

“Sekarang suasananya berbeza apabila pencari bakat datang ke FELDA mencari pelakon. Ia peluang yang jarang diperolehi, jadi usah lepaskan. Kalau berjaya dalam uji bakat ini, mereka dapat terus berlakon filem,” katanya ketika ditemui pada sidang media mengumumkan kerjasama antara Lord’s Tailor dengan fabrik Thomas Mason di Bangsar, baru-baru ini.

Bintang Rock 3

Bercakap mengenai kerjaya seni, suami

kepada pereka tari, Linda Jasmine, ini memberitahu, dia kini sedang mempertimbangkan tiga tawaran berlakon filem.

Bukan tiada jemputan membintangi drama, namun dek komitmen terhadap keluarga dan perniagaan, undangan berkenaan terpaksa dilupakan seketika.

Antara tiga tawaran itu pula, Que berkata, dia pasti menerima undangan berlakon *Rock 3* kerana karyanya yang kuat serta tenaga produksi yang sudah lama dikenalnya.

“Saya memang terima undangan berlakon *Rock 3* dan abang Mamat Khalid (pengarah) memaklumkan, mereka akan mulakan penggambaran dalam masa terdekat. Selain skripnya yang menarik, saya juga senang bekerja dengan warga produksi yang sudah saya kenal sejak 18 tahun dulu.

“Dua lagi tawaran sedang saya pertimbangkan, di satu daripadanya ialah

filem aksi dan satu lagi komedi. Cuma, apabila hendak berlakon dalam filem komedi, saya boleh percayakan abang Mamat saja. Hanya dia yang boleh keluarkan bakat komedi dalam diri saya.

“Saya pernah cuba bersama pengarah lain, tetapi saya tak suka apa yang saya buat dalam filem itu. Saya rasa abang Mamat antara pengarah komedi yang boleh pimpin saya,” katanya yang masih berusaha membangunkan perniagaan pakaian lelaki, selain sibuk berkhidmat sebagai pengajar di bengkel lakonan.

Headline	Tak malu jadi anak FELDA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	Fatin Farhana Ariffin	AdValue	RM 23,203
Frequency	Daily	PR Value	RM 69,609

Que Haidar

- ⊙ Dilahirkan dengan nama **Tengku Iskhan Shah Tengku Haidar** pada 30 Mei 1979 di Felda Taib Andak, Kulai, Johor.
- ⊙ Sebelum bergelair pelakon, Que terlebih dulu **memasuki Akademi Seni Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan turut aktif dalam dunia teater.**
- ⊙ Selain dua kali menggenggam trofi Pelakon Lelaki Popular, Anugerah Bintang Popular BH, Que juga **pernah dinobatkan Pelakon Harapan lelaki, Festival Filem Malaysia (FFM) menerusi filem Castello (2006)** dan dicalonkan dua kali dalam kategori Pelakon Lelaki Terbaik FFM, masing-masing menerusi KL Menjerit (2206) dan Maut (2009).
- ⊙ Aktor ini turut **menjulung dua**

trofi Anugerah Skrin, masing-masing bagi kategori pelakon pembantu menerusi drama Tuhan Pun Tahun (2008) dan pelakon terbaik hasil lakonannya dalam drama Terlerai Takbir Kasih (2009).

- ⊙ **Que mengahwini pereka tari, Linda Jasmine,** pada Februari 2009 dan hingga kini mereka dikurniakan dua anak, Tengku Ratu Haidar dan Tengku Cleopatra Haidar.



Que Haidar dan isteri, Linda Jasmine.

Headline	Tak malu jadi anak FELDA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	Fatin Farhana Ariffin	AdValue	RM 23,203
Frequency	Daily	PR Value	RM 69,609



“
 Sekarang
 suasananya
 berbeza apabila
 pencari bakat
 datang ke FELDA
 mencari pelakon.
**la peluang
 yang jarang
 diperoleh, jadi
 usah lepaskan”**

Que Haidar,
 Pelakon

FOTO NUR ADIBA BTE
 AHMAD IZAM/BH